

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN
IKOM**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah Orang Asli yang memegang jawatan dalam sektor Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Gred 48 dan ke atas memandangkan Kerajaan dikatakan memberi keutamaan kepada kaum Orang Asli mengisi kekosongan jawatan dalam sektor perkhidmatan awam.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2014 jumlah pengisian Orang Asli di Gred 48 dan ke atas ialah 17 orang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 16 orang dalam Kumpulan Pengurusan Profesional iaitu tujuh (7) pegawai di Gred 48, lima (5) pegawai di Gred 52, dan empat (4) pegawai di Gred 54. Manakala seorang (1) pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang berada di Gred Khas C.

Sekian. Terima kasih.